

**KAJIAN TAHAP KESEDARAN
PENGUNAAN TEKNOLOGI KOMPUTER
DIKALANGAN PENGUSAHA-PENGUSAHA BATIK
DI KELANTAN**



**INSTITUT PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN
DAN PENGKOMERSILAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR
MALAYSIA**

DISEDIAKAN OLEH:

**DANURI BIN SAKIJAN
MOHD SABRI BIN MOHAMAD
HAMDAN BIN LIAS**

JANUARI 2004

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak secara langsung bagi membolehkan penyelidikan ini disiapkan dengan sempurna. Pihak kami ingin mengucapkan penghargaan ini terutama kepada:

Yang Berbahagia Dato' Prof.Madya Dr Hussin @Mohamad Abd Rahman,

Pengarah UiTM Kampus Machang Kelantan,

Prof Madya, Napisah Hj Safii, Koordinator IRDC Uitm Kampus

Machang,Kelantan,

Tn Hj.Nik Abdullah Zawawi Bin Che Mat, Koordinator Fakulti Senilukis dan Senireka UiTM Kampus Machang ,Kelantan.

Encik Kamaruzaman Bin Idris, Pengarah Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Kelantan dan semua pengusaha batik yang menjadi responden kajian ini.

ABSTRAK

Penggunaan teknologi komputer kini digunakan secara meluas dalam industri pengeluaran. Tujuan utama penggunaan komputer adalah untuk mencapai maklumat yang ada di luar sempadan geografi dan budaya setempat sesuatu kawasan, di samping menjimatkan kos pengeluaran. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk melihat tahap kesedaran penggunaan teknologi komputer di kalangan pengusaha-pengusaha batik di Kelantan. Responden kajian terdiri daripada enam puluh dua orang pengusaha-pengusaha batik yang memasarkan sendiri produk mereka. Kajian dijalankan di sekitar Bandar Kota Bharu, Kelantan. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan soal selidik dan temubual untuk mendapatkan maklumat. Penggunaan soal selidik dikhususkan kepada para pengusaha sahaja. Soal selidik tersebut mengandungi dua bahagian, Bahagian A iaitu demografi sebanyak 16 soalan dan Bahagian B iaitu penggunaan komputer dalam perniagaan, mengandungi empat puluh satu soalan. Manakala temubual dijalankan ke atas responden yang terlibat dengan industri batik secara tidak langsung. Di samping itu maklumat mengenai kepenggunaan teknologi komputer di kalangan pengusaha batik di Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Cawangan Kelantan juga digunapakai. Peralatan komputer yang khusus kepada penghasilan batik hanya terdapat di Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Cawangan Kelantan sahaja. Tumpuan kajian ialah kepada penggunaan teknologi komputer 'Integrated Computer Aided Tjanting System' (ICATS) dan A.Text. Dapatan kajian yang pertama ialah kajian menunjukkan tahap kesedaran penggunaan Teknologi komputer di kalangan pengusaha-pengusaha batik di Kelantan adalah sederhana rendah. Seramai 30.7% pengusaha mempunyai tahap kesedaran yang rendah, 54.8% tahap kesedaran yang sederhana dan 14.5 % tahap kesedaran yang tinggi. Pengkaji meletakkan keputusan tahap kesedaran sederhana rendah kerana kesemua pengusaha yang mempunyai tahap kesedaran yang sederhana mempunyai markah yang cenderung kepada sela markah bagi tahap kesedaran yang rendah. Sela markah bagi tiga tahap kesedaran penggunaan teknologi komputer di kalangan pengusaha-pengusaha batik di Kelantan ialah di antara 40.5 hingga 95.5 (tahap kesedaran rendah), 95.5 hingga 150.5 (tahap kesedaran sederhana) dan 150.5 hingga 205.5 (tahap kesedaran tinggi). Dapatan kajian yang kedua ialah bilangan pengusaha yang menggunakan teknologi komputer menunjukkan peningkatan kira-kira 50% dari tahun 2000 hingga 2002. Peningkatan ini adalah didorong oleh keyakinan yang kuat bahawa penggunaan Teknologi komputer dapat meningkatkan mutu pengeluaran, mengurangkan kos dan membantu meningkatkan keuntungan syarikat. Dapatan kajian yang ketiga ialah faktor utama yang mendorong pengusaha menggunakan teknologi komputer di Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Cawangan Kelantan ialah kerana keuntungan jangka pendek yang diperolehi. Oleh itu, sebagai lanjutan daripada kajian ini, pengkaji mencadangkan suatu kajian tindakan dijalankan bagi mengkaji keberkesanan penggunaan Teknologi komputer di dalam menghasilkan rekacorak batik oleh pengusaha batik tempatan dalam konteks yang lebih luas iaitu di kalangan pengusaha-pengusaha batik di seluruh negeri di Malaysia.

KAJIAN TAHAP KESEDARAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI KOMPUTER DIKALANGAN PENGUSAHA-PENGUSAHA BATIK DI KELANTAN

BAB 1

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Industri batik merupakan industri yang sinonim dengan rakyat di negeri Kelantan Darul Naim. Perkataan batik berasal daripada bahasa Indonesia yang bermaksud 'pakaian yang mempunyai titik-titik kecil'. Perkataan 'tik' bermaksud 'titik' yang asalnya daripada bunyi berdetik atau 'tik-tik'. Ada yang mengatakan bahawa perkataan batik berasal dari Jawa, 'tritik' iaitu proses menghasilkan batik. Mengikut catatan sejarah, batik dalam bentuk primitif diketahui wujud sejak 2,000 tahun lalu di Parsi dan di Mesir. Di negara China dan Jepun kain bercorak batik mula digunakan sejak abad ke tujuh dan ke lapan lagi. Di Tanah Melayu, batik mula diperkenalkan sejak abad ke 15 Masihi iaitu di zaman pemerintahan Parameswara di Melaka. Pada tahun 1770-an batik pelangi telah diperkenalkan di Kepulauan Melayu.

Sejarah batik di Malaysia mula di ketahui pada abad ke 18 apabila Batik Minah Pelangi memulakan perusahaan batik di Terengganu. Dalam tahun 1911 Haji Che Su bin Haji Ishak memulakan perusahaan Batik di kawasan Lorong Gajah Mati, Kota Bahru Kelantan. Pada masa itu teknik pembuatan batik hanyalah menggunakan teknik ikat dan celup dan dikenali sebagai 'Batik Pelangi' manakala kain putih diimport dari Thailand. Bahan pewarna pula dibuat sendiri dengan menggunakan pewarna buah dan kulit kayu yang dikenali sebagai pewarna alami. Warna kain batik pelangi hanyalah biru dan hitam sahaja.